

**TEKS UCAPAN
Y.BHG. PROFESOR DATUK DR. SHAHRIN BIN SAHIB
NAIB CANSOLOR
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

MAJLIS MAHABBAH EIDULFITRI 1438H

**17 Julai 2017 bersamaan 23 Syawal 1437H, 10.00 pagi
Dewan Besar UTeM**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Salam Sejahtera, Salam 1 Malaysia dan Salam 1UTeM.

Salam Melaka Maju Negeriku Sayang, Negeri Bandar Teknologi Hijau, Melaka 755 tahun, Melaka Maju Fasa 2, Berkat, Tepat, Cepat.

Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Melaka, Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil bin Yaakob, Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

- i. Yang Amat Berhormat Datuk Seri Utama Ir. (Dr.) Haji Idris bin Haji Haron**
Ketua Menteri Melaka dan isteri
- ii. Y.Bhg. Tan Sri Datuk Dr. Hadenan bin A. Jalil**
Pro Canselor UTeM dan isteri
- iii. Y.Bhg. Datuk Wira Ismail bin Saleh**
Pro Canselor UTeM
- iv. Yang Berhormat Datuk Wira Hj. Md Yunos bin Husin**
EXCO Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi,
Teknologi Hijau dan Inovasi Negeri Melaka.

- v. **Academician Tan Sri Dr. Ir. Ahmad Tajuddin Ali**
Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti
- vi. Ahli-Ahli Lembaga Pengarah Universiti dan isteri
- vii. Dif-Dif Kehormat, Timbalan-Timbalan Naib Canselor,
Penolong-Penolong Naib Canselor
- viii. Ketua-Ketua Biro Media dan Rakan Media Negeri Melaka
- ix. Pegawai-pegawai Kanan Universiti
- x. Wakil-wakil Jabatan dan Kesatuan

- xi. Majlis Perwakilan Pelajar
 - xii. Warga UTeM seterusnya hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.
1. Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT, selawat dan salam buat junjungan besar kekasih yang tercinta Nabi Muhammad S.A.W, ahli keluarga dan sahabat baginda. Marilah kita merafa'kan rasa kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T yang mengizinkan kita untuk berhimpuan beramai-ramai bersempena Majlis Mahabbah Eidulfitri peringkat Universiti Teknikal Malaysia Melaka bagi tahun 1438 Hijriah. Semoga majlis ini mendapat magfirahNya,

keberkatan dan pelindungannya sepanjang kita berada di dalamnya.

2. Di kesempatan ini, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas kesudian semua para tetamu yang sudi melapangkan masa untuk hadir bersama-sama pada majlis hari ini. Kehadiran hadirin dan hadirat sekalian amat kami alu-alukan dan pastinya dapat menyemarakkan lagi sambutan Eidulfitri di UTeM pada tahun ini.

Hadirin dan Hadirat sekalian,

3. Kedatangan Syawal merupakan saat yang paling dinanti-nantikan oleh umat Islam di seluruh dunia. Hakikat Eidulfitri adalah sebagai tanda kita telah kembali ke fitrah asal, iaitu bersih dari segala dosa. Ia juga membawa erti kemenangan kepada kita semua dalam mendidik dan menundukkan hawa nafsu sehingga fitrah kita kembali lurus dan jernih sifatnya. Bagi mereka yang benar-benar berjaya menjadikan Ramadan sebagai 'madrasah rohaniah' maka sudah tentu ia akan mencapai 'islah al-basyar' atau transformasi kemanusiaan.

4. Transformasi kemanusiaan ini dicapai melalui amalan bermujahadah melawan hawa sehingga sifat-sifat keji yang bersarang di dalam hati dibuang dan diganti dengan sifat ketakwaan di dalam jiwa. Justeru, Aidilfitri ini wajar disambut dengan penuh kegembiraan dan kesyukuran.
5. Selain itu, bersempena bulan yang penuh keberkatan dan kerahmatan ini, umat Islam secara keseluruhannya juga dituntut melakukan amalan terpuji yang dapat memperkukuh perpaduan ummah khususnya amalan bermaaf-maafan; memohon maaf dari kedua ibu-bapa, ziarah-menziarahi, menyambung kembali silaturahim yang telah terputus sesama kaum keluarga dan

sahabat handai mahupun dikalangan kita sebagai sebuah keluarga UTeM.

6. Sesungguhnya, orang yang suka menyambung silaturahmi akan membawa pertambahan rezeki dan dipanjangkan umurnya sepertimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Barang siapa yang suka diperluaskan rezekinya dan kehidupan yang baik, maka hendaklah menyambung silaturahmi”

7. Atas niat yang murni ini, UTeM melalui Pusat Islam telah menjadikan Majlis Mahabbah Eidulfitri sebagai program tahunan supaya ikatan silaturahim antara warga UTeM **dan pihak Kerajaan Negeri Melaka** terus terjalin dengan lebih erat, mesra dan harmoni selain dapat merapatkan lagi jurang antara warga UTeM dan masyarakat setempat. Program seumpama ini juga diharapkan dapat memperkukuhkan lagi semangat saudara seUTeM sesama kita.

Hadirin dan hadirat sekalian,

8. Bagi pihak Universiti Teknikal Malaysia Melaka, saya sekali lagi merakamkan ucapan jutaan penghargaan dan terima kasih di atas kelapangan masa Ketua Menteri Melaka, Pro Canselor, Ahli-ahli Lembaga Pengarah, Pegawai-pegawai Kanan Universiti, Dif-Dif Kehormat, Tuan-tuan dan Puan-puan di atas kesudian hadir ke majlis Mahabbah Eidulfitri 1438H.
9. Sekalung penghargaan dan terima kasih juga kepada kepada warga kerja UTeM yang telah menggembleng masa dan tenaga bagi memastikan kelancaran majlis pada hari ni. Acara tahunan

yang begitu ceria, meriah dan berwarna-warni ini adalah manifestasi perpaduan dan kerukunan warga Universiti ini.

10. Akhir kata, saya juga ingin mengambil kesempatan ini menyusun sepuluh jari memohon kemaafan bagi diri saya dan bagi pihak Pengurusan Tertinggi Universiti sekiranya terdapat salah dan silap, sesungguhnya kami telah berusaha untuk menunaikan semua amanah yang dipertanggungjawabkan dengan penuh dedikasi demi satu tujuan iaitu untuk melihat Universiti ini terus berkembang menuju ke tahap yang lebih tinggi bagi mencapai kegemilangan.

Tinggi pohon mencecah awan;
Sejoli merpati asyik berpaut;
Mahabbah eidulfitri eratkan kemesraan;
Bermaaf-maafan kasih bertaut.

Saya sudahi ucapan dengan Wabillahitaufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.